

Aktivisme Mahasiswa Cina Era Reformasi dan Pasca Reformasi di Malaysia: Kajian Impak Politik dalam Pilihan Raya Umum ke-12

Chinese Student Activism in the 'Reformasi' Era and Post-'Reformasi' in Malaysia: Political Study During the 12th General Election

THOCK KER PONG

ABSTRAK

Aktivisme mahasiswa sering mendapat perhatian pelbagai pihak, terutamanya pihak pemerintah sesebuah negara, lantaran kegiatan-kegiatan mahasiswa mampu memberi kesan kepada perkembangan politik di negara tersebut. Di Malaysia, aktivisme mahasiswa pernah muncul dalam bentuk gerakan yang berjaya menggugat kestabilan sesebuah kerajaan. Ekoran daripada itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti diperkenal oleh kerajaan pada tahun 1971 dan tindakan itu telah menyebabkan kelesuan dalam gerakan mahasiswa. Namun gerakan reformasi yang teretus dalam tahun 1998 membawa nafas baru kepada aktivisme mahasiswa di Malaysia. Makalah ini cuba meneliti aktivisme mahasiswa Cina era reformasi dan pasca reformasi serta impak politiknya dalam pilihan raya umum ke-12. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa aktivisme pelajar Cina banyak dipengaruhi oleh seruan gerakan reformasi. Peningkatan aktivisme mereka yang berfokus kepada keadilan dan membawa perubahan dalam masyarakat telah menghadapi tekanan daripada pihak pengurusan universiti. Tindakan ini menyebabkan para aktivis pelajar Cina ini menyebelahi dan menyertai parti-parti pembangkang setelah keluar dari universiti. Bekas aktivis-aktivis mahasiswa ini juga cenderung melibatkan diri dalam NGO, sementara sebahagian mereka pula berjaya menjadi calon dalam PRU ke-12 dan muncul sebagai ahli Dewan Undangan Negeri atau ahli Parlimen. Kemunculan mereka sebagai pemimpin politik muda bakal memperkasakan politik multi-etnik yang diperjuangkan oleh Pakatan Rakyat.

Kata kunci: Reformasi, aktivisme mahasiswa Cina, aktivis pelajar Cina, DEMA

ABSTRACT

Student activism often gains much attention from political parties, especially the ruling regime of a state as student activism may directly influence the political fate of a state. In Malaysia student activism has had the experience of developing into a movement capable of posing solid challenges to the state resulting in the promulgation of the University and University Colleges Act in 1971 which led to its ultimate dwindling. However, the reformasi movement which erupted in 1998 had reinvigorated student activism in Malaysia. This article examines the activism of Malaysian Chinese students during the era of reformasi and post-reformasi as well as its impact on the 12th general election. Research results revealed that the activism of the Chinese students was profoundly influenced by the reformasi movement. Their heightened activism which focused on justice and initiating changes in society had brought them into serious troubles with the university authorities but which only served to drive them closer to the opposition parties which they joined after graduating from varsity. Some of them readily participated in NGOs' activism. Among those involved in party politics, some had emerged as state assemblymen or members of parliament. The emergence of this group of young political leaders would go a long way in strengthening the cause of multi-ethnic politics espoused by the Pakatan Rakyat.

Keywords: Reformasi, Chinese student activism, Chinese student activists, DEMA

PENGENALAN

Sejarah gerakan mahasiswa di Malaysia dapat diselusuri ke zaman penjajahan British lagi. Menurut Hassan Karim (1984), aktivisme mahasiswa yang menampilkan suara golongan muda mulai awal tahun 30-an telah bercambah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Sejak itu, aktivisme mahasiswa telah menjadi satu ciri perkembangan di universiti-universiti Malaysia.

Kegiatan-kegiatan mahasiswa ini mengalami pasang surut dalam perkembangannya. Kadang kala ia berkembang menjadi satu gerakan sosial dan politik dalam negara. Kecenderungan ini dapat dilihat melalui aktivisme mahasiswa dalam tempoh 1967-1974. Seperti di kebanyakan negara, suara-suara kampus di Malaysia juga menandakan ledakan suara yang menuntut perubahan dan reformasi ke arah pembentukan masyarakat dan negara yang lebih baik, adil, dan demokratik. Ini merupakan

suara progresif dari golongan muda. Idealisme mahasiswa demikian cenderung menyebabkan aktivisme mereka menjadi kontroversi dan tidak mendapat sokongan kerajaan, natijah daripada pendekatan perjuangan mereka yang mungkin bersifat agresif. Hal yang demikian telah mengakibatkan kerajaan di sesetengah negara menganggap ledakan suara mahasiswa sebagai “suara menggugat”.

Gerakan mahasiswa di Malaysia pada mulanya bergerak atas landasan perjuangan kelas yang bertunjangkan sosialisme. Pengaruh fahaman sosialisme terhadap golongan mahasiswa dapat dilihat dengan tertubuhnya Kelab Sosialis di Universiti Malaya pada tahun 1967. Namun peletusan Peristiwa 13 Mei 1969 telah membawa unsur-unsur baru dalam pergerakan mahasiswa. Selain sosialisme, nasionalisme bahasa, dan kebangkitan Islam dikatakan mewarnai perjuangan mahasiswa dekad 70-an (Riduan 2007: 25). Perjuangan mahasiswa yang rancak dalam membela golongan miskin dan menentang “establishment” pada pertengahan dekad 60-an dan awal dekad 70-an menggusarkan pihak pemerintah. Kerajaan Malaysia bertindak menangani aktivisme mahasiswa ini dengan menggubal Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dalam tahun 1971 dan melakukan pindaannya pada tahun 1975.

Kesan AUKU terhadap gerakan mahasiswa di Malaysia adalah sangat ketara dan banyak pihak menganggap akta tersebut telah melesukan pergerakan mahasiswa. Kelesuan ini tidak bermakna aktivisme mahasiswa hilang daya gerakannya secara tuntas, sebaliknya beberapa kumpulan politik dan dakwah mula meluaskan pengaruh mereka dengan mewujudkan sayap mereka di kampus-kampus dalam dekad 80-an (Mohd. Shuhaimi 1995: 50). Kecenderungan ini adalah amat ketara dalam pergerakan mahasiswa Melayu dan menyumbang kepada persaingan, pertelagahan dan perpecahan di kalangan mahasiswa Melayu. Pergolakan politik kampus banyak dipengaruhi oleh percaturan PAS (Parti Islam SeMalaysia), UMNO (*United Malay National Organization*), ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), IRC (*Islamic Representative Council*), Tabligh, Arqam dan sebagainya di luar kampus. Perkembangan ini menjadikan kegiatan mahasiswa lebih mirip kepada pergolakan politik sebenar yang berlaku di luar kampus. Malah perkembangan politik kampus sejak tahun 80-an hingga sekarang boleh dianggap sebagai cerminan sebenar kepada percaturan politik Malaysia.

Sejarah gerakan mahasiswa di Malaysia menunjukkan bahawa golongan pelajar Melayu merupakan kumpulan dominan yang menggerakkan aktivisme mahasiswa. Golongan mahasiswa Cina hanya memainkan peranan yang signifikan dalam dekad 60-an dan 70-an. Peranan mereka dapat dilihat melalui penyertaan mereka dalam Kelab Sosialis. Beberapa orang pemimpin dan aktivis pelajar yang mendukung fahaman sosialisme seperti Khong Kim Hong, Lim Mah Hui, Young Suan dan sebagainya dapat diketengahkan. Manakala satu lagi jalur aktivisme mahasiswa Cina dizahirkan melalui kegiatan

Persatuan Bahasa Cina Universiti Malaya (PBCUM). Arah perkembangan persatuan yang ditubuhkan sejak tahun 1962 itu mula berubah apabila pucuk pimpinannya diambil alih oleh kumpulan pelajar yang berhaluan kiri dalam tahun 1971. Selain prihatin terhadap isu politik dan sosial, persatuan itu menunjukkan satu kelainan yang ketara dalam aktivismenya. Barisan pimpinan persatuan telah menggunakan wahana kesusasteraan dan persembahan kebudayaan untuk mempengaruhi pelajar dan masyarakat Cina di luar kampus (Phoon 2007). Kegiatan persatuan ini yang semakin rancak dan menampilkan pengaruh ke atas golongan pelajar dan masyarakat massa Cina kemudiannya telah terhenti apabila kerajaan membubarkan persatuan itu dalam bulan Disember 1974 kerana dituduh terlibat dalam kegiatan subversif. Kerajaan mengeluarkan sebuah Kertas Putih untuk menjelaskan aktivisme golongan mahasiswa itu dan tangkapan terhadap mereka telah melumpuhkan aktivisme mahasiswa Cina di universiti-universiti tempatan. Kertas Putih yang berjudul *Communist Party of Malaya Activities within the University of Malaya Chinese Language Society* telah dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 19 Disember 1974. Beberapa orang aktivis dan pemimpin persatuan itu telah ditahan di bawah akta ISA. Antara mereka yang diberkas adalah Goh Kean Seng, Koh Swee Yong, Yow Lee Fung dan Eow Bung Poo.

Akibat daripada pelaksanaan AUKU dan insiden PBCUM, aktivisme mahasiswa Cina mengalami kelesuan dan kejumudan dalam dekad 80-an dan awal 90-an. Peranan mahasiswa sebagai aktivis sosial dan agen perubahan masyarakat yang pernah dimainkan oleh mahasiswa Cina dalam tahun 70-an telah ditinggalkan dalam lipatan sejarah. Aktivisme mahasiswa Cina dalam dua dekad itu hanya tertumpu kepada kebajikan pelajar dan politik dalam pemilihan kampus. Dalam pemilihan kampus, mahasiswa Cina dikatakan berperanan sebagai penentu yang signifikan dalam menentukan kejayaan atau kejatuhan sesebuah kumpulan pelajar (Mohd. Shuhaimi 1995: 60). Para pemimpinnya didapati bijak dalam menggunakan statusnya sebagai penentu yang signifikan untuk melobi jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar. Kecenderungan ini dapat dilihat dalam kes *Chinese Consultative Council (CCC)*, sebuah pertubuhan pelajar Cina yang tidak berdaftar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tetapi bergiat aktif dalam dekad 80-an. CCC telah ditubuhkan oleh beberapa orang pemimpin pelajar seperti Loh Seng Kok, Liow Tiong Lai, Boey Chin Gan, dan Wong Chun Wai. Golongan pelajar ini mempunyai hubungan yang rapat dengan parti MCA dan oleh itu kebanyakan para pemimpin pertubuhan ini kemudiannya telah muncul sebagai pemimpin MCA. Untuk maklumat tambahan tentang CCC, lihat perbincangan dalam Wong (2006). Dalam kes ini, seorang pemimpinnya Loh Seng Kok telah berjaya menyandang jawatan Timbalan Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa UKM (1985-86). Manakala di Universiti Malaya, sebelum

tahun 1993 sebuah pertubuhan sementara yang bernama *Chinese Council* ditubuhkan setiap kali menjelang sesuatu pemilihan kampus. Perubahan telah berlaku dalam bulan Mac 1993 apabila pucuk pimpinan *Chinese Council* dan mahasiswa-mahasiswa Cina telah membuat ketetapan untuk menubuhkan Gerakan Mahasiswa Universiti Malaya (GEMA). Dalam pada itu, PBCUM yang dibubarkan itu hanya dapat ditubuhkan kembali pada 24 Disember 1986. Namun persatuan ini telah hilang pengaruh dan tarungnya. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa aktivisme mahasiswa Cina dalam dekad 80-an dan dekad 90-an tidak menunjukkan kesegaran dan kerancakan dalam perkembangan dan kegiatan mereka hanya terkongkong di kampus-kampus universiti. Walau bagaimanapun, kes pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam tahun 1998 dan gerakan reformasi yang dicituskannya telah berjaya memecahkan kelesuan dalam aktivisme mahasiswa Cina.

GERAKAN REFORMASI DAN AKTIVISME MAHASISWA CINA

Gerakan reformasi merupakan satu lagi titik peralihan dalam sejarah perkembangan politik Malaysia. Kesan politiknya begitu mendalam. Selain membawa kepada kegawatan politik yang menggugat kestabilan negara dalam tahun 1998 dan 1999, gerakan itu turut menyumbang kepada kemunculan dimensi baru dalam percaturan politik Malaysia. Malah bahang gerakan reformasi itu juga menyuntik pemangkin kepada gerakan mahasiswa yang semakin lesu, natijah daripada kekangan AUKU dan kerajaan. Suntikan pemangkin itu bukan sahaja membawa kepada kebangkitan gerakan mahasiswa Melayu yang begitu ketara malah gerakan reformasi turut memberi nafas baru kepada pergerakan mahasiswa Cina.

Seruan Anwar Ibrahim untuk menuntut keadilan telah menjadi daya tarikan kepada para mahasiswa dari setiap pelosok negara untuk menyertai gerakan reformasi. Keberanian golongan muda ini mengambil bahagian dalam demonstrasi jalanan pada setiap hari Sabtu di ibu negara begitu menonjol dan mendapat perhatian banyak pihak. Umpamanya majalah *Asiaweek* melaporkan bahawa mahasiswa, terutamanya mahasiswa Melayu merupakan tenaga utama yang menggerakkan reformasi di Malaysia (Riduan 2007: 88). Meskipun penglibatan golongan pelajar Melayu adalah lebih dominan, namun pelajar bukan Melayu, terutamanya golongan pelajar Cina progresif turut menerjuni gelombang politik ini. Umpamanya aktivis-aktivis pelajar Cina dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) seperti Sim Tze Tzin, Yong Kai Ping, dan Ong Chin Wen telah menyertai demonstrasi jalanan pada peringkat awal gerakan reformasi dan mereka sanggup berkempen untuk calon-calon pembangkang dalam Pilihan Raya Umum (PRU) tahun 1999 tanpa menghiraukan tindakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Menurut kedua-dua orang aktivis

pelajar ini, pada hampir setiap hujung minggu mereka sanggup bertolak dari Skudai ke Kuala Lumpur pada hampir untuk menyertai demonstrasi jalanan di ibu negara. Apabila Parlimen dibubarkan untuk memberi laluan kepada PRU tahun 1999, mereka pula melibatkan diri dalam kempen pilihan raya umum. Maklumat ini diperoleh hasil dari temu bual dengan Sim Tze Tzin dan Ong Chin Wen yang berlangsung pada 18.8.2009 di Pulau Pinang. Manakala Anthony Loke Siew Fook dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Liew Chin Tong, Ean Yong Hian Wah, dan Lee Ying Ha dari Kolej New Era turut menyertai demonstrasi jalanan di Kuala Lumpur untuk memberi sokongan kepada perjuangan Anwar Ibrahim.

Kesan penyertaan para mahasiswa dalam gerakan reformasi adalah berpanjangan. Weiss (2005: 318) berpendapat bahawa golongan mahasiswa ini telah menyumbangkan tenaga mereka dalam penyusunan jentera organisasi dan sokongan kepada parti-parti pembangkang dalam kempen pilihan raya umum (PRU) tahun 1999. Dalam era reformasi, terdapat sekurang-kurangnya 10 buah persatuan pelajar yang anti kerajaan telah memobilisasikan tenaga pelajar dalam kampus dan di luar kampus untuk menyahut seruan reformasi Weiss (2006: 165-166). Malah apa yang lebih penting ialah peluang penglibatan ini berperanan menyediakan satu barisan pemimpin pelapis bagi parti-parti pembangkang. Ini kerana banyak pemimpin dan aktivis mahasiswa yang menyertai gerakan reformasi kemudiannya telah menganggotai parti Parti Keadilan Rakyat (PKR), PAS, dan *Democratic Action Party* (DAP) dan muncul sebagai pemimpin sayap pemuda parti-parti tersebut.

Dalam pada itu, gerakan reformasi turut mempengaruhi perkembangan dan percaturan politik kampus di kebanyakan universiti di Malaysia. Sebelum tercetusnya gerakan reformasi, politik kampus di universiti-universiti Malaysia dicirikan dengan persaingan dan pertarungan yang sengit antara kumpulan/persatuan mahasiswa yang pro-UMNO dan pro-PAS. Isu pemecatan Anwar Ibrahim telah menjadi daya pengikat yang berjaya merapatkan gerakan mahasiswa daripada pelbagai jalur ideologi dan mendamaikan seketika kumpulan-kumpulan yang bertelagah. Umpamanya di Universiti Malaya, pemilihan majlis perwakilan pelajar dalam tahun 1998 mencatatkan sejarah lantaran pemilihan tidak berlangsung kerana kumpulan-kumpulan pelajar yang bersaing sebelum ini telah berdamai. Ekoran daripada itu, sebuah pertubuhan yang merangkumi semua pertubuhan pelajar, iaitu Gagasan Mahasiswa Universiti Malaya (GMUM) berjaya dibentuk pada tahun 1998.

Selain itu, gerakan reformasi juga merencanakan penubuhan persatuan-persatuan mahasiswa yang baru dan membentuk jaringan yang bermakna antara pertubuhan-pertubuhan mahasiswa. Dalam hal ini, beberapa pertubuhan yang melangkaui batasan universiti seperti Barisan Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN), Gerakan Mahasiswa Mansuhkan ISA (GMMI), Gagasan

Mahasiswa Islam SeMalaysia (GAMIS) telah dibentuk dalam era reformasi. Meskipun persatuan-persatuan pelajar dalam era reformasi masih bergerak atas landasan etnik dan agama, namun kecenderungan untuk bekerjasama menjangkau pertimbangan etnik adalah ketara (Weiss 2006: 165). Bentuk kerjasama yang dijalin antara para mahasiswa pelbagai kaum telah merintis jalan kepada penerimaan politik *non-communal* di kalangan mahasiswa yang cuba dibawa oleh Anwar Ibrahim.

Kecenderungan pembentukan persatuan baru dalam era reformasi juga merebak di kalangan mahasiswa Cina. Kewujudan persatuan-persatuan ini memberi pentas bagi menampung seruan reformasi. Masyarakat Cina pada umumnya adalah tidak begitu mengambil berat terhadap kes pemecatan Anwar Ibrahim lantaran menganggapnya sebagai perebutan kuasa politik di kalangan orang Melayu UMNO. Berbanding dengan kaum Melayu, kedinginan orang Cina terhadap gerakan reformasi adalah ketara. Hanya segelintir kecil sahaja orang Cina yang menyertai gerakan itu dengan cergas dan kecenderungan ini dapat dilihat melalui penglibatan Tian Chua. Namun golongan mahasiswa Cina yang progresif didapati telah menyertai gerakan reformasi bagi menuntut keadilan bagi Anwar Ibrahim. Persatuan mahasiswa Cina peringkat nasional yang bertindak untuk menyelaraskan dan menggembelng usaha pelajar Cina dalam era reformasi ialah *Malaysia Youth and Students Democratic Movement* (DEMA). DEMA telah ditubuhkan oleh sekumpulan pelajar Cina yang progresif dari beberapa buah universiti awam tempatan. Antara pengasasnya ialah Yong Kai Ping, Sim Tze Tzin, dan Ong Ching Wen. Pertubuhan ini berpengaruh dalam pergerakan mahasiswa Cina dan kekal hingga kini sebagai sebuah NGO yang lantang dalam penyuaran kehendak orang muda dan pendemokrasian di Malaysia. Lihat kupasan yang dibuat oleh Kee (2007) untuk maklumat terperinci tentang pertubuhan ini. Pertubuhan pelajar Cina ini dibentuk pada 17 September 1998 dan matlamat penubuhannya adalah untuk “*to establish and consolidate a progressive, dynamic and pro-democracy youth and student movement in Malaysia*” (DEMA website 2006). Oleh sebab kesukaran dalam memperoleh kelulusan pendaftaran daripada Pendaftar Pertubuhan, DEMA telah didaftarkan di bawah akta syarikat.

DEMA bergerak di peringkat nasional dan mengadakan kolaborasi dan kerjasama dengan persatuan-persatuan mahasiswa Melayu yang merentasi kampus. Bagi menggerakkan aktiviti-aktivitinya di setiap universiti, DEMA mempunyai pertubuhan yang dikenali *Students Progressive Front* (SPF) sebagai pendukungnya. Penubuhan SPF oleh mahasiswa Cina dalam tempoh reformasi di kebanyakan universiti tempatan berkait rapat dengan kes pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kecenderungan ini dapat dilihat dalam penubuhan SPF di Universiti Sains Malaysia USM, UTM, Universiti Utara Malaysia (UUM), dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Malah mahasiswa Cina di kolej-kolej swasta seperti Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) dan

Kolej New Era turut menubuhkan SPF untuk menyahut seruan reformasi. Manakala mahasiswa-mahasiswa Cina di Universiti Malaya pula merombak GEMA untuk menjadi *University of Malaya Association of New Youth* (UMANY) pada 27 Jun 2001.

Penubuhan SPF yang didapati lebih komited dalam menggerakkan reformasi masyarakat Malaysia dan tidak bersifat komunal di universiti-universiti tempatan menunjukkan pergerakan mahasiswa Cina mula menampilkan nafas baru dalam perkembangannya. Kecenderungan ini dapat dilihat dalam SPF USM. Persatuan mahasiswa Cina itu ditubuhkan pada 28 Oktober 2001 oleh sekumpulan mahasiswa yang mengambil berat terhadap perkembangan dalam masyarakat dan kampus. Pertubuhan pelajar ini mementingkan tanggungjawab sosial mahasiswa, iaitu mendorong reformasi dalam masyarakat, kebajikan mahasiswa, dan perpaduan antara kaum. Empat Matlamat SPF USM ialah para ahlinya berusaha ke arah:

1. Demokrasi kampus, autoriti pelajar
2. Memecah pembatasan kaum
3. Menjaga kebajikan mahasiswa
4. Membimbing pelajar dalam membina masyarakat yang lebih baik

DEMA memainkan peranan yang aktif dalam peningkatan kesedaran para mahasiswa Cina universiti-universiti tempatan tentang hak mereka sebagai mahasiswa dan peranan mereka dalam menggerakkan pendemokrasian dan pembentukan masyarakat sivil di Malaysia. Usaha ini direalisasikan melalui program latihan untuk aktivis-aktivis mahasiswa yang dimulakan sejak tahun 2004. Di bawah program ini, para peserta dikehendaki menjalani latihan selama satu bulan setengah mulai pertengahan bulan Mei di pelbagai pertubuhan NGO yang aktif di Malaysia. Latihan ini memberi pendedahan dan pengalaman yang berguna kepada para mahasiswa untuk mengetahui secara mendalam tentang peranan dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh NGO-NGO untuk membela golongan-golongan terpinggir dan pembentukan masyarakat sivil di Malaysia. Dalam hal ini, DEMA turut berperanan sebagai NGO yang cergas dan lantang dalam negara. Pertubuhan ini turut membela para mahasiswa yang menghadapi tekanan dan diambil tindakan tatatertib oleh pihak universiti.

PENGUKUHAN AKTIVISME MAHASISWA CINA

Penglibatan mahasiswa-mahasiswa Cina dalam gerakan reformasi telah memberi kesan kepada aktivisme mereka di kampus. Kecenderungan utama yang dapat dikesan ialah kecergasan dalam aktivisme mahasiswa Cina mula menggantikan kelesuan yang begitu ketara sebelum era reformasi. Golongan mahasiswa ini semakin menyedari dan mengetahui hak mereka sebagai mahasiswa. Perkembangan demikian menyumbang

kepada peningkatan dalam kes memperjuangkan hak mahasiswa di universiti-universiti tempatan. Hal ini berlaku lantaran tindakan-tindakan tekanan atau tatatertib yang dikenakan oleh pihak pengurusan universiti ke atas seseorang mahasiswa sering dianggap sebagai penafian hak dan penindasan terhadap mereka. Para aktivis pelajar Cina semakin mampu menggembleng usaha pembelaan terhadap pelajar terbabit dengan meraih sokongan dan simpati golongan mahasiswa dan masyarakat Cina di luar kampus. Dalam hal ini, DEMA yang merupakan pertubuhan induk gerakan mahasiswa Cina sering memainkan peranan yang menonjol melalui penjalinan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan pelajar bukan Cina dan NGO-NGO dalam masyarakat. Usaha mereka sering kali membuahkan hasil dan mahasiswa yang terbabit terlepas dari tindakan tatatertib atau hanya menerima hukuman yang ringan. Keadaan ini telah meningkatkan semangat para aktivis pelajar dan juga penggemblengan tenaga dalam aktivisme mereka.

Dalam meninjau perkembangan aktivisme mahasiswa Cina, didapati peningkatan dalam aktivismenya di sesebuah universiti berkait rapat dengan isu dan insiden aktivis mahasiswa ditekan atau diambil tindakan oleh pihak pengurusan universiti. Penyelidikan yang dijalankan ini menunjukkan insiden-insiden ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran para mahasiswa Cina malah turut melahirkan satu barisan aktivis dan pemimpin pelajar Cina di universiti berkenaan. Oleh sebab insiden-insiden aktivis pelajar ini bertumpu di sesebuah universiti tertentu dalam sesuatu tempoh masa, maka didapati peningkatan aktivisme mahasiswa Cina juga tertumpu di universiti berkenaan.

Dalam awal era reformasi, peningkatan aktivisme yang ketara dikesan berlaku di kalangan mahasiswa Cina di UTM. Hal ini berkaitan dengan insiden seorang pelajarinya, Yong Kai Ping telah mengemukakan sebuah memorandum yang meminta pengembalian sistem keadilan negara kepada Hakim Besar Mahkamah Persekutuan pada tahun 1999. Tindakan pelajar ini dianggap telah menyalahi AUKU oleh pihak pengurusan universiti dan ia dihadap ke Lembaga Tatatertib universiti. Tindakan universiti ini menimbulkan bantahan di kalangan mahasiswa UTM dan masyarakat Cina di luar kampus. Akibat bantahan dan tekanan oleh masyarakat Cina dan NGO-NGO, Yong Kai Ping hanya dikenakan dendaan wang. Selepas peristiwa ini, berlaku pula insiden pameran mahasiswa Cina untuk sambutan Tahun Baru Cina dibatalkan oleh pihak pengurusan universiti. Kedua-dua insiden menimbulkan ketidakpuasan di kalangan mahasiswa Cina dan gerakan reformasi yang tercetus di luar kampus telah merencanakan kegiatan mereka untuk menuntut keadilan dan kebebasan pelajar. Selain melahirkan barisan pertama aktivis pelajar Cina seperti Sim Tze Tzin, Ong Chin Wen, dan Yong Kai Ping, peningkatan aktivisme ini turut melahirkan barisan pelapis aktivis pelajar Cina di UTM. Beberapa orang pemimpin pelajar seperti Lee Khai Loon, Chan Ming Kai, Chan

Foong Hin, Lum Chih Feng, Tan Hong Ping, Teh Boon Hooi dan sebagainya didapati mampu menyambungkan aktivisme yang ditinggalkan oleh kumpulan pertama aktivis pelajar Cina.

Dalam tahun 2001, aktivisme mahasiswa Cina di USM mula menampilkan peningkatan yang sungguh ketara dan telah mengatasi UTM sebagai pusat aktivisme yang cergas. Keadaan ini terjadi kerana berlaku dua insiden pelajarinya dihadap ke Lembaga Tatatertib universiti. Dalam kes pertama, enam orang ahli Persatuan Bahasa Tionghoa (PBT) termasuk pengerusi (Lee Yen Ting), setiausaha (Choo Chon Kai) dan empat orang pembahas telah disaman untuk menghadap Lembaga Tatatertib kerana penyertaan mereka dalam Pertandingan Bahas Mahasiswa Malaysia dan Singapura yang berlangsung di Singapura. Peristiwa ini dan kelantangan persatuan itu dalam memperjuangkan beberapa isu dalam negara kemudiannya menyebabkan pihak pengurusan universiti menggantung segala aktiviti PBT selama satu tahun lebih. Pihak pengurusan USM mengemukakan 9 alasan untuk menggantung PBT. Antara alasannya ialah persatuan ini membantah ISA, membantah program Sekolah Wawasan, dan ahli-ahlinya didapati mengeluarkan kenyataan umum kepada pihak luar. Penggantungan ini hanya dibatalkan pada pertengahan tahun 2003 apabila PBT bersetuju untuk akur kepada beberapa syarat yang diberi oleh pengurusan USM. Maklumat-maklumat ini diperolehi dari hasil temu bual dengan Choo Chon Kai yang berlangsung pada 19.8.2009 di Pulau Pinang. Dalam tahun 2002, empat orang aktivis pelajar iaitu Lee Yen Ting, Choo Chon Kai, Loke Chee Hoe dan Nurul Fatean digantung pengajian mereka selama satu semester kerana dituduh mengambil bahagian dalam demonstrasi membantah program Sekolah Wawasan di hadapan pintu masuk USM pada tahun 2000. Demonstrasi mahasiswa USM itu telah dianjurkan bersama oleh PBT dan Persatuan Mahasiswa Islam USM dan kegiatan ini telah dipengerusikan oleh Lee Yen Ting (Pengerusi PBT). Maklumat ini diperolehi dari hasil temu bual dengan Choo Chon Kai yang berlangsung pada 19.8.2009 di Pulau Pinang. Kedua-dua kes ini telah menimbulkan bantahan dan ketidakpuasan di kalangan mahasiswa. Mereka mempersoalkan rasional pihak universiti yang mengambil tindakan terhadap satu kegiatan yang berlaku pada dua tahun yang lepas.

Pada tahun 2004, seorang lagi aktivis pelajar Cina yang juga merupakan pengerusi PBT USM, iaitu Soh Sok Hwa dihadap ke Lembaga Tatatertib universiti. Pelajar itu dituduh melanggar AUKU kerana terlibat dalam aktiviti berkempen untuk calon pembangkang iaitu Tian Chua semasa PRU tahun 2004. Pelajar itu telah dikenakan dendaan wang sebanyak RM200. Namun selepas insiden itu, Soh Sok Hwa mengambil tindakan undang-undang untuk mencabar AUKU di mahkamah dan setakat kini kes ini masih dalam perbicaraan mahkamah. Dalam tempoh 2001 hingga 2004, peningkatan dalam aktivisme mahasiswa adalah begitu menonjol kerana tekanan pihak

pengurusan USM melibatkan sejumlah aktivis pelajar dari beberapa persatuan pelajar. Selain PBT, SPF USM, di mana Lee Yen Ting ialah pengasasnya telah terlibat dalam menggembelng usaha mahasiswa untuk membantah tindakan pihak universiti. Malah Persatuan Mahasiswa Islam USM turut menyokong aktivisme mahasiswa Cina dan seorang aktivis pelajar, iaitu Nurul Fatean dikenakan tindakan tatatertib. Natijah daripada insiden-insiden ini, kesedaran dan pengaruh yang disuntik kepada para mahasiswa Cina adalah berpanjangan. Kecenderungan ini dapat dilihat apabila aktivisme ini berjaya melahirkan sejejer aktivis pelajar pelapis di USM. Mereka yang dapat diketengahkan dan kemudiannya memainkan peranan yang aktif dalam arena politik dan pergerakan NGO di negara kita ialah Ginie Lim Siew Lin, Gan Pei Nei, Chua Yee Ling, Lee Huat Seng, Loo Chuan Boon, Lau Shu Shi dan beberapa orang lagi.

Menjelang tahun 2005, pusat aktivisme mahasiswa Cina di universiti tempatan telah beralih kepada UPM. Perkembangan ini berkait rapat dengan beberapa insiden pelajar yang disaman untuk menghadap Lembaga Tatatertib universiti dan kekecohan atau penekanan terhadap kumpulan pelajar SPF (di UPM, SPF lebih dikenali dengan nama Gerakan Mahasiswa Maju-GMM). Dalam kes pembantahan pelaksanaan e-undi untuk pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar, lima orang aktivis pelajar iaitu Tan Kar Hing, Ooi Tze Min, Kong Wee Cheng, Kam Poay Hua, dan Lim Sok Swan dipanggil untuk menghadap prosiding tatatertib pada 25 Oktober 2005 dan 10 November 2005. Mereka dituduh menghasut para mahasiswa UPM agar memboikot proses pemilihan MPP. Dalam prosiding tatatertib yang diadakan pada 10 November 2005, "perbincangan" kumpulan pelajar itu mendapat sokongan mahasiswa-mahasiswa pelbagai kaum, wakil-wakil NGO dan juga ahli-ahli politik parti pembangkang. Perhimpunan para mahasiswa dan orang ramai yang mengerumuni pintu masuk ke kampus UPM memaksa pihak universiti memanggil pasukan *Federal Reserve Unit* (FRU) untuk mengawal keadaan (*Sin Chew Daily* 2005). Prosiding tatatertib terhadap pelajar berkenaan digugurkan pada 10 Mei 2006 atas sebab universiti merasakan mereka perlu dididik dan diberi peluang untuk berubah dan menumpukan perhatian kepada akademik mereka. Namun didapati bantahan dan tekanan berbagai-bagai pihak turut menyumbang kepada pengguguran kes tersebut.

Oleh sebab SPF di universiti-universiti tempatan bukan persatuan pelajar yang berdaftar dengan universiti dan tidak diiktiraf, penganjuran aktiviti-aktivitinya sering kali menghadapi tekanan dari pihak pengurusan universiti (Kee 2007: 79). Dalam pada itu, kegiatannya turut menghadapi gangguan dan ugutan daripada kumpulan pelajar yang *pro-establishment* atau pro-universiti. Pada 17 Julai 2006, telah berlaku kes kekasaran terhadap para aktivis pelajar SPF UPM. Kekecohan dan kekasaran berlaku apabila kumpulan pelajar yang *pro-establishment* cuba menyekat usaha SPF untuk mendapat ahli-ahli

baru di kolej-kolej kediaman. Kumpulan pelajar yang *pro-establishment* bertindak menyekat usaha SPF kerana mereka berpendapat bahawa SPF merupakan pertubuhan haram dan tidak berhak mendapatkan ahli baru malah mereka juga menuduh SPF telah membawa orang luar ke kampus UPM. Dalam hal ini, seorang wakil DEMA, iaitu Lee Huat Seng (ahli SPF USM) dan wakil dari SUARAM (Suara Rakyat Malaysia, sebuah NGO hak asasi kemanusiaan) didapati turut berada di tempat kejadian. Untuk mendapat gambaran yang lebih menyuruh dan terperinci, lihat perbincangan dalam Wong (2006). Episod kekasaran yang dilakukan oleh kumpulan pelajar yang *pro-establishment* mendapat perhatian orang ramai dan bantahan pelbagai pihak apabila kejadian yang telah dirakam dengan kamera video dilapor dan disebarkan di media alternatif dan internet. Dalam tahun 2007, berlaku pula insiden seorang pelajar, Lee Song Yong dihadap ke prosiding tatatertib UPM. Pada 22 Ogos 2007, pelajar tersebut enggan membenarkan begnya diperiksa oleh pihak keselamatan dan pada 14 November 2007 pula, dia dituduh tidak bekerjasama dan mencabar pegawai-pegawai keselamatan. Pelajar itu kemudiannya telah digantung pengajian selama satu semester, namun hukuman itu telah ditukarkan kepada dendaan wang RM300 apabila pihak Kementerian Pengajian Tinggi campur tangan dalam kes ini. Peninjauan terhadap aktivisme mahasiswa Cina di beberapa buah universiti tempatan di atas menunjukkan bahawa tindakan-tindakan penekanan atau "penindasan" terhadap golongan pelajar telah melahirkan satu kumpulan pelajar yang lebih bertekad untuk menuntut keadilan dan mendorong reformasi dalam masyarakat. Pengalaman-pengalaman pahit yang dilalui mereka didapati lebih mendorong mereka untuk menyertai parti-parti pembangkang atau pergerakan NGO setelah keluar dari universiti. Umpamanya aktivis pelajar dari UTM seperti Sim Tze Tzin, Ong Chin Wen, Chan Ming Kai, dan Lee Khai Loon telah menyertai parti PKR. Malah Sim Tze Tzin, Ong Chin Wen, Chan Ming Kai berpeluang bertanding dalam PRU ke-12 dan berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk partinya. Mereka dari UM seperti Ng Wei Aik dan Lau Weng San, manakala Liew Chin Tong, Ean Yong Hian Wah dan Lee Ying Ha dari Kolej New Era pula menyertai DAP. Liew Chin Tong telah berjaya jadi ahli Parlimen dan keempat-empat aktivis yang lain merupakan ADUN muda setelah muncul sebagai pemenang dalam PRU tahun 2008.

IMPAK REFORMASI KEPADA KEGIATAN BEKAS AKTIVIS PELAJAR CINA

Penyertaan mahasiswa-mahasiswa Cina dalam gerakan reformasi dan aktivisme untuk membela kebebasan dan hak mereka telah memberi satu pendedahan yang berguna kepada golongan aktivis ini. Pengalaman latihan di NGO-NGO yang diperoleh kumpulan pelajar ini

melalui program DEMA bukan sahaja memperkasakan minat mereka dalam kerja-kerja NGO, malah turut memantapkan mereka untuk menghadapi cabaran di dunia luar. Selain terus menyertai arena politik selepas tamat pengajian, sesetengah daripada mereka menyertai NGO-NGO untuk mendorong reformasi dalam masyarakat. Menurut Lim Sok Swan (Sekretariat Hal-ehwal Nasional DEMA), generasi baru aktivis pelajar ini mempunyai pilihan yang lebih banyak dalam mencapai aspirasi mereka. Dalam bidang politik, mereka boleh menyertai PKR, DAP atau PSM (Parti Sosialis Malaysia). Mereka juga boleh melibatkan diri dalam gerakan sosial seperti Soh Sok Hwa dan Choo Chon Kai demi mencapai reformasi dalam masyarakat. Maklumat ini diperoleh dari hasil temu bual dengan Lim Sok Swan yang berlangsung pada 17.8.2009 di Pulau Pinang. Kegiatan golongan bekas pelajar ini dalam bidang NGO didapati menunjukkan satu keistimewaan berbanding dengan zaman sebelumnya. Aktivisme dan perjuangan mereka adalah menjangkau batasan kaum, para aktivis pelajar cenderung untuk bekerja di beberapa NGO yang memperjuangkan kepentingan pelbagai kaum. Kecenderungan ini merupakan kesan langsung dari gerakan reformasi yang telah berkembang menjadi satu gerakan untuk menuntut keadilan tanpa mengira kaum.

NGO yang merupakan tumpuan penyertaan para aktivis mahasiswa Cina ini ialah SUARAM (Suara Rakyat Malaysia). Chang Lih Kang, seorang bekas aktivis UPM merupakan penyelaras pertubuhan itu untuk beberapa tahun sebelum menyertai parti PKR sebagai ahli politik sepenuh masa. Manakala Choo Chon Kai lulusan dari USM juga menjawat jawatan penyelaras SUARAM wilayah utara sebelum menyertai PSM (Parti Sosialis Malaysia). Jawatan itu kemudiannya disandang oleh Lau Shu Shi, aktivis pelajar dari USM. Ng Chong Soon, lulusan dari Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) pula bekerja di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, sebuah NGO masyarakat Cina yang aktif dan lantang dalam membela kepentingan orang Cina dan rakyat pelbagai kaum.

Aktivis dari UTM, Lee Khai Loon bersama beberapa orang rakannya seperti Chua Yee Ling (dari USM) telah menubuhkan *Youth For Change* (Y4C), sebuah NGO orang muda pada tahun 2006. Misi pertubuhan adalah bertujuan "*works to empower young people to participate actively and effectively in the building of multi-racial Malaysia and in communities where they live in*". Y4C bekerja dengan aktif ke arah pencapaian misi ini dengan mendorong penglibatan golongan muda melalui program-program latihan, advokasi, dan pendedahan. Objektif utama pertubuhan ini ialah menggalakkan penglibatan orang muda dalam isu-isu politik masa kini yang merangkumi penyertaan mereka dalam proses membuat keputusan di peringkat tempatan, nasional, dan antarabangsa (Y4C Website 2009). Objektifnya yang lain ialah mengukuhkan pertukaran idea dan pengalaman, saling persefahaman

dan hak yang sama serta peluang-peluang untuk golongan muda di Malaysia. Dengan objektif-objektif penubuhan yang demikian, Y4C kelihatan lebih bersifat sebagai sebuah NGO politik untuk golongan muda yang merentasi batasan kaum.

Sejak penubuhannya, Y4C telah bergerak cergas untuk menggalakkan penglibatan orang muda dalam isu-isu politik negara. Beberapa kempen pendaftaran pengundi telah dilancarkan sejak tahun 2006. Umpamanya pada 15 Julai 2007, satu kempen yang berjudul "Muda-mudi Mampu Bawa Perubahan" telah dilancarkan bersama *Kuala Lumpur-Selangor Chinese Assembly Hall* (KLSCAH) dan *National Young Lawyers' Committee* untuk menarik 4.9 juta rakyat bukan pengundi yang kebanyakan merupakan golongan muda agar mendaftar sebagai pengundi. Bagi mendekati orang muda, kempen-kempen ini lumrahnya diadakan di pusat beli-belah dan destinasi rekreasi di kawasan Lembah Kelang. Sebagai kesinambungan Kempen Pendaftaran Pengundi Baru 2007 sempena Pilihan Raya Umum ke-12, Y4C telah mengeluarkan empat klip video politik dan siri turun padang ke kawasan-kawasan tumpuan untuk menarik minat golongan muda. Menurut Pengerusi Y4C, Lee Khai Loon, dengan mengeluarkan klip video politik yang memikat minda dan perasaan, Y4C berharap ia akan menggalakkan orang awam untuk berfikir dan berdiskusi tentang isu-isu politik Malaysia.

Selain kempen pendaftaran pengundi, Y4C juga terlibat secara langsung dalam percaturan politik Malaysia. Dalam pilihan raya kecil Machap di Melaka yang berlangsung pada 12 April 2007, para aktivis Y4C telah melawat kawasan Machap dan menganjurkan forum "Jika Saya YB". Pertubuhan itu menganjurkan forum itu bersama beberapa NGO yang lain seperti SUARAM, WAMI (Writers Alliance for Media Independence), DEMA, dan MALVU (Malaysian Voters Union). Forum yang diadakan itu bertujuan memberi kesedaran politik kepada pengundi di Machap agar mereka dapat memilih seorang calon yang benar-benar dapat berperanan sebagai seorang wakil rakyat. Pendedahan yang disampaikan dalam forum tersebut memberikan pengalaman baru dan pendidikan politik kepada para pengundi di situ. Y4C turut menganjurkan forum yang serupa di pilihan raya kecil Ijok, Selangor yang berlangsung pada 28 April 2007.

Tambahan pula menjelang bulan kemerdekaan tahun 2006, Y4C telah menganjurkan satu siri kursus alternatif perhubungan etnik yang memberikan peluang bagi mahasiswa-mahasiswi dan orang awam di Malaysia untuk memperoleh ilmu yang tidak diajarkan di universiti-universiti tempatan. Usaha ini lancarkan setelah berlakunya kontroversi dalam modul pengajaran yang disediakan oleh pasukan pakar dari UPM yang dikatakan memihak kepada parti pemerintah dan terdapat unsur-unsur hasutan. Pengarah Biro NGO parti DAP, Ronie Liu telah membuat laporan polis di ibu pejabat polis Petaling Jaya pada 19 Julai 2006 terhadap modul pengajaran terbitan UPM yang dituduh mengandungi

unsur-unsur hasutan. Manakala Solidariti Mahasiswa Malaysia membuat kenyataan umum bahawa modul pengajaran tersebut telah memesongkan fakta sejarah Malaysia, memburuk-burukkan parti-parti pembangkang dan Jawatankuasa Suqiu (kerana mengemukakan tuntutan Suqiu dalam tahun 1999). Kelas alternatif anjuran Y4C ini menitikberatkan perkongsian dan perdebatan tentang isu-isu yang sering dilabelkan sebagai “sensitif”, atau dilarang untuk perbincangan oleh kerajaan. Kursus ini telah berlangsung dari 4 Ogos 2006 hingga 7 September 2006 bertempat di Dewan Masjid UIA Matrikulasi, Petaling Jaya. Pertubuhan itu yakin bahawa melalui dialog yang sihat dan membina dalam kursus ini, hubungan etnik di kalangan rakyat berbilang kaum akan bertambah rapat.

Selain usaha ke arah pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang *multi-racial* dan bersifat harmoni di atas, Y4C telah mengorak langkah untuk membentuk *National Youth Consultation Conference* (NYCC) pada 22 September 2007. NYCC merupakan sebuah gabungan NGO yang terdiri daripada Y4C, *Kuala Lumpur-Selangor Chinese Assembly Hall Youth*, *National Young Lawyers Committee*, Pusat Kesedaran Komuniti Selangor *EMPOWER*, dan Solidariti Mahasiswa Malaysia. Sebagai sebuah pertubuhan yang prihatin terhadap perkembangan politik Malaysia, NYCC turut melancarkan satu dokumen tuntutan yang berjudul Agenda Belia untuk Perubahan menjelang PRU tahun 2008. Dokumen yang diajukan kepada parti-parti politik yang bertanding dalam PRU itu dilancarkan pada 27 Februari 2008.

Dalam pada itu, terdapat sesetengah aktivis mahasiswa Cina terus menyertai parti-parti politik setelah tamat pengajian di universiti. Keadaan ini berlaku kerana keprihatinan mereka tentang perkembangan politik Malaysia dan penglibatan mereka sebagai aktivis DEMA telah membentuk minat yang mendalam dalam bidang politik. Mereka cenderung untuk melihat wahana politik sebagai alat yang paling berkesan dalam membawa reformasi sosial dan pendemokrasian politik kepada Malaysia. Parti politik yang menarik minat mereka ialah parti pembangkang, dan PKR didapati lebih diminati oleh para aktivis pelajar Cina. Umpamanya Ginie Lim Siew Lin, seorang aktivis DEMA dari USM terus menganggotai PKR setelah tamat pengajian dan ia dilantik ke jawatan Penyelaras Media parti itu pada tahun 2005. Pengalaman sebagai ahli yang aktif telah membolehkannya dipilih sebagai calon parti untuk Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap di Melaka dalam PRU ke-12 walaupun usianya masih muda, iaitu 27 tahun. Manakala Gan Pei Nei juga seorang aktivis DEMA dari USM yang bergerak aktif dalam PKR sejak keluar dari universiti. Aktivis wanita ini memegang jawatan Ketua Eksekutif Pusat Perkhidmatan PKR kawasan Parlimen Batu (ditandingi oleh Tian Chua dalam PRU tahun 2004 dan 2008) sejak tahun 2005. Dia juga dipilih sebagai calon parti untuk DUN Rawang di Selangor dalam PRU ke-12 pada usia 26 tahun. Gan Pei Nei telah muncul sebagai pemenang dan menjadi ADUN.

Penyertaan terus bekas aktivis pelajar Cina yang lebih muda dalam parti-parti pembangkang telah meningkat selepas berlakunya tsunami politik dalam PRU ke-12. Hal ini demikian kerana beberapa orang aktivis Cina generasi reformasi muncul menjadi ADUN dan ini membolehkan mereka mengambil para aktivis yang lebih muda untuk menjadi pembantu mereka. Contohnya, Chang Lih Kang aktivis pelajar generasi pertama yang menjadi ADUN di DUN Teja di kawasan Gopeng telah mengupah Tan Kar Hing dan Ooi Tze Min (aktivis UPM) sebagai pembantunya.

PENGLIBATAN BEKAS AKTIVIS PELAJAR CINA DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-12

Penyertaan bekas para aktivis mahasiswa Cina era reformasi dalam politik Malaysia menunjukkan jalur perkembangan yang berlainan dengan zaman sebelumnya. Dalam dekad 80-an, kebanyakan aktivis mahasiswa Cina cenderung untuk menyertai parti-parti komponen Cina dalam Barisan Nasional (BN). Parti-parti politik yang mendapat perhatian mereka ialah MCA dan Gerakan. Oleh sebab parti-parti politik ini merupakan parti pemerintah dan memiliki sumber ekonomi yang banyak untuk diagihkan, mereka dijanjikan kerjaya politik yang lebih baik. Keadaan ini dapat dilihat melalui pemimpin-pemimpin MCA pada hari ini. Umpamanya, Liow Tiong Lai (Menteri Kesihatan) merupakan pemimpin CCC di UKM yang menyertai MCA setelah tamat pengajian. Pemimpin itu memulakan kerjaya politiknya dengan menjawat jawatan sebagai setiausaha akhbar kepada Lim Ah Lek. Manakala Loh Seng Kok juga merupakan pemimpin CCC di UKM telah memulakan kerjaya politiknya dengan berkhidmat di bawah Dr. Ling Liong Sik. Dia pernah menjadi setiausaha politik kepada Dr. Ling Liong Sik dan merupakan ahli Parlimen untuk kawasan Kelana Jaya di Selangor bagi tempoh 2004-2008. Namun dia telah tewas dalam PRU ke-12. Ketua Pemuda MCA sekarang, Wee Ka Siong pula merupakan seorang aktivis pelajar dari UTM.

Walau bagaimanapun, trend menyertai parti MCA dan Gerakan di kalangan mahasiswa Cina telah hilang daya tarikannya apabila berlakunya gerakan reformasi. Kesan gerakan reformasi yang menuntut keadilan dan reformasi masyarakat telah memberi dampak ke atas idealisme mahasiswa Cina di universiti tempatan. Idealisme golongan aktivis pelajar Cina didapati berubah kepada prihatin akan perkembangan sosiopolitik dalam negara dan berusaha ke arah reformasi masyarakat. Oleh itu, golongan aktivis pelajar Cina era gerakan reformasi melihat penyertaan dalam parti politik dan NGO sebagai wahana yang berkesan untuk mencapai idealisme mereka. Berbanding dengan idealisme mahasiswa Cina dekad 80-an yang hambar dan penyertaan mereka dalam politik lebih berlandaskan kepentingan diri, golongan aktivis pelajar era reformasi menampilkan kelainan.

Dalam pemilihan parti politik, kebanyakan mereka meminati parti-parti pembangkang, terutamanya PKR. Ini adalah kerana mereka beranggapan, hanya parti-parti pembangkang sahaja yang mampu membawa perubahan dalam masyarakat dan membela rakyat. Pada pandangan mereka, BN yang bertapak sebagai parti pemerintah untuk tempoh yang lama telah menyebabkan mereka tidak lagi membela rakyat dan rasuah begitu berleluasa di kalangan pemimpin. Maklumat ini diperoleh daripada temu bual dengan Ng Wei Aik, bekas aktivis pelajar UM dan kini merupakan ADUN kawasan KOMTAR di Pulau Pinang dan Setiausaha Politik kepada Lim Guan Eng. Temu bual ini berlangsung pada 17 Ogos 2009 di Pulau Pinang. Penyertaan mereka dalam parti-parti pembangkang tidak bertujuan untuk mengejar kepentingan diri. Lagipun sebelum berlakunya tsunami politik, parti-parti ini langsung tidak memiliki sumber-sumber ekonomi untuk diagihkan. Umpamanya, Ginie Lim Siew Lin sebagai calon DUN di Machap dalam PRU ke-12 telah membuat kenyataan umum bahawa tujuannya bertanding adalah untuk memastikan rakyat menikmati kemajuan ekonomi, peluang pendidikan untuk semua kaum dan manfaat dalam amalan demokrasi, peluang untuk meraih kepentingan diri tidak pernah terlintas dalam otaknya (*Sin Chew Daily* 2008).

Satu lagi kelainan yang dibawa oleh golongan bekas aktivis pelajar Cina era reformasi ialah mereka tidak lagi mempercayai dan menyokong politik komunal tajaan BN. Pada pendapat mereka, politik komunal yang mendominasi arena politik Malaysia telah memecahbelahkan rakyat pelbagai kaum dan seterusnya menyumbang kepada kesangsian kaum dan permasalahan dalam hubungan etnik. Mereka beranggapan bahawa masa depan Malaysia adalah bergantung kepada perkembangan politik bukan komunal. Hal yang demikian menyebabkan mereka memilih parti PKR dan DAP sebagai parti sandaran. Semasa temu bual dengan Sim Tze Tzin dan Ong Chin Wen yang berlangsung pada 18.8.2009 di Pulau Pinang, mereka berpendapat bahawa PKR merupakan sebuah parti politik bukan komunal dan oleh sebab usianya yang muda membolehkan para pemimpinnya untuk membentuk budaya berpolitik dalam parti. Kelebihan-kelebihan ini menjadi daya tarikan kepada mereka untuk menyertai PKR. Pengalaman-pengalaman yang ditimba oleh mereka semasa menjalankan aktivisme yang menjangkau batasan

kaum di universiti dalam era gerakan reformasi digunakan dalam menangani berbagai-bagai permasalahan dan kerjasama antara kaum dalam perkembangan politik masa kini.

Dalam PRU ke-12, bilangan bekas aktivis pelajar Cina yang menjadi calon telah mencapai satu rekod yang belum pernah tercatat sebelum ini. Ini kerana terdapat beberapa bekas aktivis pelajar ini yang menyertai parti PKR dan DAP secara aktif. Tambahan pula, aktivisme mereka sebagai aktivis pelajar di universiti telah membentuk keupayaan mereka sebagai pemimpin pelapis. Faktor-faktor ini membantu mereka dipilih oleh parti sebagai calon PRU. Bekas aktivis pelajar Cina yang menjadi calon PKR dalam PRU tahun 2008 adalah seperti Jadual 1.

Selain parti PKR yang berjaya menarik minat ramai bekas aktivis pelajar Cina, DAP juga menjadi tumpuan golongan muda ini. Meskipun DAP selalu dilabelkan oleh parti pemerintah sebagai parti Cina, namun parti itu pada dasarnya merupakan sebuah parti yang bukan komunal. Ideologi perjuangan DAP yang bertunjangan sosialisme jelas menunjukkan hakikat ini. Tambahan pula, sejarah kewujudan DAP yang lama sebagai parti pembangkang yang memainkan peranannya sebagai pemantau parti pemerintah turut menjadi daya tarikan kepada kumpulan muda Cina ini. Parti DAP juga mencalonkan beberapa bekas aktivis pelajar Cina untuk bertanding dalam PRU ke-12 (Jadual 2):

Peninjauan terhadap prestasi calon bekas aktivis pelajar menunjukkan bahawa mereka mendapat sambutan yang sungguh baik daripada pengundi. Dari jumlah 12 orang yang bertanding dalam DUN atau Parlimen, hanya 2 orang yang tewas. Malah Anthony Loke telah memenangi kawasan Parlimen dan DUN. Hampir kesemua calon ini bertanding di kawasan majoriti Cina atau kawasan campur. Kemenangan mereka jelas menunjukkan bahawa mereka adalah lebih popular daripada calon MCA dan Gerakan. Walaupun kemenangan mereka dalam PRU ini banyak disumbangkan oleh angin perubahan yang dibawa oleh gelombang tsunami politik, namun imej mereka sebagai pemimpin muda dan ketekunan mereka berkempen juga menyumbang kepada kemenangan. Calon-calon ini mendapat bantuan daripada para aktivis DEMA dan penyokong-penyokong parti PKR dan DAP untuk berkempen dalam PRU tahun 2008. Contohnya para penyokong muda Gan Pei Nei (calon DUN di Rawang,

JADUAL 1. Bekas Aktivis Pelajar Cina yang Bertanding dalam PRU ke-12 Atas Tiket PKR

Nama Calon	Kawasan ditandingi	Keputusan	Undi Majoriti
Ong Chin Wen	N17 Bukit Tengah, Pulau Pinang	Menang	1,904
Sim Tze Tzin	N36 Pantai Jerejak, Pulau Pinang	Menang	1,258
Chan Ming Kai	N44 Simpang Pulai, Perak	Menang	3,386
Chang Lih Kang	N45 Teja, Perak	Menang	175
Gan Pei Nei	N14 Rawang, Selangor	Menang	4,192
Ginie Lim Siew Lin	N8 Machap, Melaka	Tewas	1,639

Sumber: Disusun dari laporan data PRU ke-12, *New Straits Times* 10.3.2008.

JADUAL 2. Bekas Aktivist Pelajar Cina yang Bertanding dalam PRU ke-12 Atas Tiket DAP

Nama Calon	Kawasan ditandingi	Keputusan	Undi Majoriti
Liew Chin Tong	P48 Bukit Bendera, Pulau Pinang	Menang	16,122
Ng Wei Aik	N28 Komtar, Pulau Pinang	Menang	3,328
Lee Ying Ha	N22 Teratai, Selangor	Menang	8,085
Ean Yong Hian Wah	N28 Seri Kembangan, Selangor	Menang	7,244
Anthony Loke	P130 Rasah, Negeri Sembilan	Menang	13,151
Siew Fook	N11 Lobak, Negeri Sembilan	Menang	6,928
Chan Foong Hin	P190 Tawau, Sabah	Tewas	4,867

Sumber: Disusun dari laporan data PRU ke-12, *New Straits Times* 10.3.2008

Selangor) telah menubuhkan pasukan kempen berbasikal yang membantunya menjelajah ke merata tempat di kawasan Rawang bagi meraih sokongan pengundi (*Oriental Daily News* 2008).

Kemenangan bekas aktivis pelajar Cina ini dalam PRU ke-12 dan kemunculan mereka sebagai ADUN atau ahli Parlimen membawa beberapa kesan kepada perkembangan politik di Malaysia. Oleh sebab penampilan mereka sebagai pemimpin pelajar dan kemudiannya aktivis muda dalam politik banyak dipengaruhi oleh gerakan reformasi yang bersifat bukan komunal, maka pegangan politik mereka adalah berlandaskan politik multi etnik. Mereka menolak politik komunal yang telah menjadi amalan parti-parti komponen dalam BN. Golongan ini menjadi pemimpin pelapis dan pendukung kuat politik bukan komunal yang cuba dibawa oleh Anwar Ibrahim, pemimpin *de-facto* PKR. Politik multi etnik yang dizahirkan melalui pola pengundian tidak mengikut landasan kaum yang muncul dalam PRU tahun 2008 telah mendapat sokongan dan pembelaan para pemimpin politik muda ini. Sebagai ADUN dan ahli Parlimen, mereka memberi perkhidmatan kepada rakyat tanpa mengambil kira kumpulan etnik seseorang. Isu-isu komunal atau perkauman yang cuba dimainkan oleh parti pemerintah untuk meraih sokongan sesuatu kaum telah mendapat kritikan daripada golongan ini.

Tambahan pula, berapa orang dari kumpulan bekas aktivis pelajar Cina ini telah mula memegang jawatan yang agak penting dalam parti. Keadaan ini bakal memperkasakan amalan politik bukan komunal dalam DAP dan PKR. Umpamanya, Liew Chin Tong kini merupakan Setiausaha Biro Antarabangsa DAP dan penasihat kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, iaitu Lim Guan Eng mampu memberikan pengaruh kepada parti. Manakala Anthony Loke Siew Fook dan Ean Yong Hian Wah masing-masing menjawat jawatan Pengerusi DAP Negeri untuk Negeri Sembilan dan Selangor juga didapati boleh bekerjasama dengan PKR dan PAS bagi menampilkan satu pakatan multi-etnik yang kuat di peringkat negeri. Dalam pada itu, Sim Tze Tzin yang pernah menjadi pembantu khas kepada Anwar Ibrahim juga berperanan dalam mempopularkan gagasan politik multi-etnik kepada masyarakat Cina.

Kedua, idealisme golongan bekas aktivis pelajar Cina dan para pemimpin muda PR lain yang menekankan pembelaan rakyat berlandaskan keadilan dan reformasi masyarakat mampu membawa sesuatu senario yang baru dalam budaya politik di Malaysia. Dalam tempoh masa sebelum tsunami politik 8 Mac, oleh sebab kekurangan saingan daripada pihak pembangkang, para ADUN dan ahli Parlimen BN menunjukkan kelesuan dalam pemberian perkhidmatan kepada rakyat. Malah sesetengah daripada mereka cuba memperoleh habuan atau rasuah dari jawatan mereka. Walau bagaimanapun, kemunculan golongan muda PR sebagai wakil rakyat didapati telah mengubah keadaan ini. Golongan ini yang ditunjangi idealisme zaman mahasiswa lebih mengutamakan kepentingan rakyat dan mereka sentiasa bersikap proaktif dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Umpamanya setiap ADUN PKR dari golongan bekas aktivis pelajar Cina ini telah mendirikan pusat perkhidmatan di kawasan mereka. Kebanyakan mereka memiliki pembantu yang biasanya merupakan bekas aktivis pelajar untuk membantu di pusat perkhidmatan. Contohnya Chang Lih Kang, ADUN kawasan Teja di Perak telah melantik Tan Kar Hing dan Ooi Tze Min (aktivis UPM) sebagai pembantunya. Ketekunan dan keprihatinan mereka terhadap permasalahan para pengundi menjadikan mereka sebagai wakil rakyat yang popular. Dalam keadaan ini para pemimpin dan bakal calon BN untuk PRU terpaksa menampilkan imej yang lebih bersih dan mampu berkhidmat untuk rakyat dengan harapan mampu menyaingi para ADUN dan ahli Parlimen PR.

Ketiga, kemunculan golongan bekas aktivis pelajar Cina sebagai pemimpin muda parti atau memegang jawatan dalam kerajaan negeri yang dikuasai PR membantu dalam perkembangan parti PKR sebagai sebuah parti bukan komunal yang dapat diterima oleh masyarakat Cina. Sebelum ini hanya terdapat sejumlah kecil pemimpin Cina yang diketuai Tian Chua dan masyarakat Cina masih lagi sangsi terhadap keupayaan parti itu membela kepentingan pelbagai kaum. Hal ini demikian kerana peringkat awal penubuhan Parti Keadilan Nasional dan PKR lebih didominasi pemimpin Melayu. Kemunculan 5 orang bekas aktivis pelajar Cina ini sebagai ADUN dan sejumlah lagi yang dilantik menjadi

ahli majlis perbandaran atau daerah mampu menonjolkan PKR sebagai parti multi-etnik. Contohnya Lee Khai Loon (bekas aktivis UTM dan pengerusi Y4C) telah dilantik menjadi ahli majlis perbandaran Selayang dalam tahun 2009. Manakala Chua Yee Ling (bekas aktivis USM) pula dilantik menjadi ahli majlis daerah Hulu Selangor dalam tahun yang sama. Ginie Lim Siew Lin (bekas aktivis USM) yang tewas dalam PRU tahun 2008 menjawat jawatan pegawai media di Pejabat Menteri Besar negeri Selangor. Loo Chuan Boon, juga aktivis USM pula dilantik menjadi pembantu kepada Elizabeth Wong (ahli Exco kerajaan negeri Selangor) dalam tahun 2009.

Penampilan golongan muda Cina ini dalam parti PKR dan juga kerajaan negeri yang ditadbir oleh PR menunjukkan bahawa parti PKR merupakan parti yang mengamalkan politik multi-etnik. Kecenderungan ini dapat menarik minat masyarakat Cina untuk menyertai PKR. Dalam pada itu, dengan kepimpinan Anwar Ibrahim, parti PKR yang muncul sebagai penggerak kepada politik sistem dua-barisan juga menjadi daya penarik kepada kaum Cina. Ini adalah kerana perjuangan politik orang Cina di Malaysia selama ini adalah untuk melahirkan satu sistem politik, yakni sistem dua-barisan yang dapat mengekang kekuasaan UMNO dan BN. Kuasa politik ketiga dalam masyarakat Cina, iaitu persatuan Cina (Huatuan) telah menggagaskan sistem dua-barisan sejak tahun 1986 sebagai pendekatan politik bagi menangani masalah penghakisan hak dan kepentingan yang dialami oleh kaum Cina. Thock (2005: 164-174) telah mengupas tentang kemunculan gagasan politik ini dan usaha masyarakat Cina untuk merealisasikannya. Kemunculan dan penguatan politik sistem dua-barisan mampu menyumbang kepada pendemokrasian politik Malaysia dan kepentingan berbagai-bagai kaum dapat dijaga. Dengan perkembangan ini maka PKR telah muncul sebagai parti yang memiliki ahli baru yang teramai dalam PR untuk tempoh 2008-2009, iaitu 50,000 orang (*Oriental Daily News* 2010). Manakala DAP dan PAS hanya masing-masing mempunyai ahli baru sebanyak 30,000 dan 18,000 dalam tempoh yang sama.

KESIMPULAN

Gerakan reformasi merupakan titik peralihan dalam perkembangan politik Malaysia. Kesannya terhadap arena politik negara adalah begitu ketara. Selain menyumbang kepada perpecahan kuasa politik Melayu, gerakan itu turut membantu dalam perkembangan politik multi-etnik. Malah penubuhan parti PKN dan PKR telah mengukuhkan politik multi-etnik dan seterusnya mendukung gagasan politik ini untuk bersaing dengan politik komunal yang merupakan amalan parti pemerintah sejak kemerdekaan. Seruan reformasi dan perjuangan politik multi-etnik tidak terbatas kepada orang dewasa dalam masyarakat dan kesannya telah menular masuk ke warga mahasiswa di universiti-

universiti tempatan. Pengaruh gerakan reformasi bukan terhad kepada aktivisme mahasiswa dalam kampus, apa yang lebih penting ialah gerakan itu telah melahirkan satu kumpulan mahasiswa yang bergelar generasi reformasi. Kumpulan mahasiswa generasi reformasi telah menyahut seruan reformasi dan menuntut perubahan dalam masyarakat yang bertunjangkan keadilan. Pengaruh politik kumpulan mahasiswa ini adalah berpanjangan lantaran kebanyakan mereka telah menjadi pemimpin-pemimpin pelapis kepada parti-parti pembangkang. Mahasiswa generasi reformasi yang terdiri daripada pelbagai kaum dikatakan menyerap idealisme reformasi dalam aktivisme mereka. Orientasi politik mereka juga terbentuk untuk menerima politik multietnik. Kecenderungan ini merupakan keunikan mahasiswa era reformasi dan ia mula menampilkan impaknya dalam percaturan politik Malaysia masa kini.

Mahasiswa-mahasiswa Cina di universiti dan kolej tempatan juga dipengaruhi gerakan reformasi. Seruan reformasi dari luar kampus telah memberi suntikan semangat kepada aktivisme mahasiswa Cina yang memperlihatkan kelesuan yang ketara sebelum ini. Penglibatan secara langsung sejumlah aktivis pelajar Cina dalam gerakan reformasi di luar kampus menyediakan peluang kepada mereka untuk memahami gejala percaturan politik dan mendekati masyarakat. Hal yang demikian didapati telah mempengaruhi idealisme kumpulan pelajar aktivis Cina ini. Idealisme mereka sebelum ini (dalam dekad 80-an) yang lebih menekankan kepentingan diri telah bertukar kepada perjuangan membawa reformasi dalam masyarakat dan membela kepentingan rakyat. Oleh itu, jalur penyertaan politik kumpulan bekas pelajar generasi reformasi juga menunjukkan kelainan. Para aktivis pelajar Cina dalam dekad 80-an lebih berminat dalam penyertaan parti-parti komponen Cina dalam BN, namun bekas pelajar generasi reformasi pula meminati parti-parti pembangkang, terutamanya PKR dan DAP. Ini kerana idealisme kumpulan pelajar yang terbentuk semasa zaman universiti ini adalah secocok dengan landasan perjuangan parti-parti pembangkang tersebut. Malah idealisme mereka sebenarnya banyak dicorakkan oleh gerakan reformasi yang kemudiannya membawa kepada penyertaan mereka dalam parti PKR dan DAP. Dalam pada itu, aktivisme mereka yang lantang dalam membela hak dan kepentingan mahasiswa di universiti yang menyebabkan mereka ditekan oleh pihak pengurusan universiti juga menyebabkan mereka cenderung untuk menyertai parti-parti pembangkang. Pada tanggapan mereka, parti-parti ini lebih berjiwa rakyat dan bersedia untuk membela keadilan dan kepentingan rakyat.

Penyertaan kumpulan bekas aktivis pelajar Cina dalam parti-parti pembangkang telah mempengaruhi perkembangan politik Cina dan Malaysia. Parti-parti komponen Cina dalam BN, terutamanya MCA yang sebelum ini mendapat pemimpin pelapisnya daripada

aktivis pelajar tidak lagi diminati para aktivis generasi reformasi dan pasca reformasi. Mereka melihat amalan politik komunal, penyelewengan, dan pengutamaan kepentingan diri dalam parti-parti komponen Cina ini sudah tidak dapat menyahut tuntutan perubahan yang sedang berlaku dalam masyarakat Malaysia. Pada tanggapan mereka, landasan perjuangan parti PKR dan DAP yang bukan komunal dan membela kepentingan rakyat pelbagai kaum mampu memenuhi kehendak rakyat, terutamanya selepas berlakunya tsunami politik dalam PRU tahun 2008. Oleh itu, fenomena penyertaan golongan muda Cina dalam kedua-dua buah parti pembangkang ini adalah ketara. Kemunculan sejumlah bekas aktivis pelajar Cina sebagai ADUN dan ahli Parlimen dalam PRU ke-12 memperkasakan lagi jalur penyertaan politik ini lantaran penglibatan golongan muda Cina dalam parti-parti pembangkang turut memperlihatkan masa depan yang cerah. Sementara itu, peningkatan dalam penyertaan kumpulan bekas aktivis pelajar Cina dan golongan muda Cina yang mendukung politik multi-etnik mampu mempengaruhi arah perkembangan politik Malaysia. Pada masa kini dalam percaturan politik Malaysia, kita melihat kewujudan pertentangan antara politik komunal dan politik multi-etnik. Dengan peningkatan dalam penyertaan golongan muda Cina, Melayu, dan India dalam politik multi-etnik yang diperjuangkan oleh PKR dan DAP, maka amalan politik komunal tajaan BN semakin menghadapi cabaran yang sengit.

RUJUKAN

- DEMA Website. 2006. <http://dema1998.tripod.com/content.html>. Diakses pada 26.12.2009.
- Hassan Karim. 1984. The Student Movement in Malaysia, 1967-1974. In *With the People! The Malaysian Student Movement, 1967-1974*, edited by Hassan Karim & Siti Nor Hamid. Petaling Jaya: Institute for Social Analysis.
- Junaidi Abu Bakar. 1993. *Mahasiswa Politik dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kee S.M.J. 2007. Human Rights and Youth Activism in Malaysia. In *Working for Democracy: Footprints from Civil Society in Malaysia*, 69-95. Petaling Jaya: Women's Development Collective.
- Liew Chin Tong. 2009. *Speaking for the Reformasi Generation*. Kuala Lumpur: Research for Social Advancements.
- Malaysia. 1974. *Communist Party of Malaya Activities within the University of Malaya Chinese Language Society*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Merdekareview*, 19.7.2006 (incomplete)
- Mohd. Shuhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Generasi Baru.
- Nurul Mu'az Omar, eds. 2003. *Values of Democracy and Youth*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Oriental Daily News*, 19.3.2008; 3.1.2010. (incomplete)
- Phoon Wing Keong. 2007. "Shehui bianqian yu xuesheng zhengzhi: Malaya daxue huawen xuehui shijian, 1971-1974" (Social Transformation and Student Politics: The Case of University of Malaya Chinese Language Society, 1971-1974). Working paper presented in National Seminar on Chinese Intra-ethnic Relations in Malaysia organized by Malaysian Centre for Ethnic Studies, New Era College and Kuala Lumpur & Selangor Chinese Assembly Hall, 25-26 August 2007.
- Riduan Mohamad Nor. 2007. *Potret Perjuangan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Sin Chew Daily*, 11.11.2005; 27.2.2008.
- Thock Ker Pong. 2005. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Weiss, M.L. 2005. Still with the People? The Chequered Path of student Activism in Malaysia. *South East Asia Research* 13(3): 287-332.
- _____. 2006. *Protest and Possibilities: Civil Society and Coalitions for Political Change in Malaysia*. Stanford: Stanford University Press.
- Wong Chun Wai. 2006. Right Way to Handle Campus Politics. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file>. Diakses pada 7.12.2009.
- Y4C Website. http://www.y4c.org.my/?page_id=2. Diakses pada 18.12.2009.

Thock Ker Pong, Ph.D
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Tionghoa
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
e-mel: kpthock@yahoo.com